

Lulusan UMS berdaya saing di pasaran kerja antarabangsa

Oleh HENRY BATING
hbating@gmail.com

PELAJAR antarabangsa lulusan Universiti Malaysia Sabah (UMS) meraih pekerjaan yang baik apabila kembali ke negara masing-masing. Malahan terdapat di kalangan mereka mendapat kepercayaan mengendalikan peranan penting sebagai pegawai kanan atau eksekutif dalam sektor kewangan dan perbankan. Maklumat ini kita perolehi dari kalangan pelajar China yang lulus pada 2005. Keadaan itu menunjukkan UMS memiliki taraf yang baik di kalangan universiti-universiti antarabangsa.

Demikian dinyatakan Pengarah Urusan Kumpulan, UMS Link Holdings, Prof. Dr. Roselina Ahamad Saufi ketika meraikan sekumpulan 155 pelajar luar negara sempena Majlis Malam Antarabangsa di Bankuasi Dewan Canselor UMS, Kota Kinabalu pada Rabu. UMS Link merupakan badan berkanan UMS yang mengendalikan pelbagai program profesional termasuk program asas pelajar dari pelbagai negara sebelum diterima masuk ke peringkat prasiswazah dan pascasiswazah di UMS.

"Kita akan terus berusaha menarik lebih ramai pelajar antarabangsa bukan sahaja dari China dan Turki tetapi juga dari negara-negara lain seperti Timur Tengah, Asia Tenggara dan Eropah Barat," kata Dr. Roselina sambil menambah adalah menjadi dasar Kementerian Pengajian Tinggi untuk menambah komposisi pelajar antarabangsa sekurang-kurangnya 15 peratus daripada bilangan pelajar terdaftar di setiap Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Menurut Dr. Roselina, langkah-langkah tertentu sedang dijalankan untuk mengendalikan kemasukan pelajar antarabangsa dari Indonesia dan Indo-China.

Turut hadir pada majlis itu Pengurus Kumpulan UMS Link Holdings, Datuk K.Y. Mustafa, Pengarah UMS Link, Alex Anderson dan para pensyarah.

Para pelajar antarabangsa yang diraikan meliputi pelajar dari China dan Turki. Para pelajar berkenaan telah menamatkan program asas kemasukan ke UMS sebelum meneruskan pengajian pelbagai bidang di UMS. Selama enam bulan dalam program asas, para pelajar berkenaan mempelajari bahasa Inggeris, Bahasa Melayu sebagai Bahasa Antarabangsa,

Sejarah dan Kebudayaan Malaysia serta Tamadun Malaysia.

Bersama meraikan Malam Antarabangsa ialah sekumpulan pelajar tempatan yang mengambil Kursus Diploma Eksekutif Pelancongan. Majlis itu diserikan pelbagai persembahan pelajar yang bercirikan masyarakat antarabangsa meliputi identiti masyarakat dari China, Turki dan tempatan Sabah, Malaysia.

Dr. Roselina menjelaskan, belajar di UMS bagi pelajar antarabangsa merupakan pengalaman yang sangat mengagumkan.

"Belajar di UMS membolehkan anda menguasai dua bahasa sekali gus iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia. Anda juga boleh belajar pelbagai bahasa etnik di Sabah melalui pergaulan dengan kawan-kawan," katanya sambil menambah, para pelajar di program asas malahan dapat belajar lebih daripada itu, yakni ada kalangan pelajar dari Turki sempat belajar pertuturan bahasa China dari rakan-rakan pelajar dari China, demikian juga para pelajar dari China sempat belajar bahasa Turki.

Sementara dalam ucapan K.Y. Mustafa sebagai tetamu khas, beliau meminta para pelajar agar memanfaatkan masa belajar di UMS dengan melawat sebanyak mungkin tempat di Sabah. Menurutnya, kehadiran pelajar antarabangsa khususnya dari Turki ke negeri ini amat dirasai masyarakat setempat.

"Anda memiliki ciri-ciri yang sangat berbeza dengan masyarakat tempatan secara umumnya. Apabila anda pergi menuaikan solat Jumaat di Masjid Bandaraya khususnya, semua mata tertumpu kepada anda. Kehadiran anda menyedarkan mereka bahawa para pelajar antarabangsa di UMS kian bertambah. Mereka mengalaukan anda datang belajar ke negara ini dan mudah-mudahan tempat ini akan menjadi tarikan yang utama kepada anda sehingga pada masa-masa yang akan datang," katanya.

K.Y. Mustafa juga menegaskan bahawa terdapat persamaan dalam arus pembangunan antara Malaysia dan China, namun Malaysia menunjukkan perbezaan alam dengan kebanyakan negara-negara lain.

"Jika kita melawat ke tempat-tempat tertentu di Sabah, maka kita mendapati begitu banyak dan besar lagi kawasan hutan yang belum diusik. Pulau-pulau masih dililiti tumbuh-tumbuhan, malahan masih terdapat banyak pulau yang tidak

mempiliki satupun bangunan.

"Panorama di sebahagian negara-negara lain memperlihatkan bukit-bukit yang sudah dipenuhi kegiatan manusia, pulau-pulau yang dipenuhi struktur binaan dan keaslian yang telah hilang," katanya.

Dalam beberapa tinjauan yang dilakukan, beberapa pelajar memberikan reaksi mereka mengapa memilih Malaysia sebagai destinasi untuk melanjutkan pelajaran. Rata-rata pelajar dari China memberitahu mereka datang ke Malaysia untuk menguasai bahasa Inggeris.

"Kami boleh belajar bahasa Inggeris di banyak negara lain tapi di Malaysia kami boleh menguasai bahasa Inggeris tanpa mengeluarkan biaya yang mahal. Setelah lulus program asas di UMS, kami boleh memilih untuk meneruskan pengajian di UMS, universiti-universiti swasta lain di Malaysia atau di negara-negara barat. Kami boleh pergi ke Amerika, England, Australia atau New Zealand kerana kelulusan bahasa Inggeris dari Malaysia diterima di negara-negara itu," kata Walter Lin Qing Yu, pelajar dari China.

Memberikan reaksi yang hampir serupa, pelajar dari Turki mempunyai dorongan tambahan mengapa memilih untuk belajar ke Malaysia.

"Kami tidak mendapat tempat belajar di Turki. Dengan adanya tawaran memasuki program asas di UMS Link, kami datang ke Malaysia. Kami berharap program asas ini dapat membantu kami melangkah lebih jauh. Lagipun, Malaysia adalah antara negara Islam yang kemajuannya sedang bergerak pantas. Sebagai orang beragama Islam, kami berharap dapat belajar sesuatu dari Malaysia," kata Burack Cayci, pelajar dari Turki.

Beberapa pensyarah yang ditemui menyatakan para pelajar



DARI KAMPUS & SEKOLAH



PELAJAR ANTARABANGSA ... sebahagian pelajar antarabangsa ketika menyaksikan satu persembahan pentas.

antarabangsa di program asas UMS dituntut berusaha kuat mempelajari bidang baru yang tidak pernah mereka pelajari di negara asal.

Dengan mengambil contoh pelajar dari China dan Turki yang memiliki sistem penulisan yang berbeza dengan tulisan Rumi. Mereka perlu menguasai tulisan Rumi untuk mempelajari bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan bidang-bidang ilmu yang lain. Bagaimanapun, para pelajar dari Turki lebih mudah berasimilasi dengan pembelajaran di Malaysia kerana banyak perbandaraan kata bahasa Melayu diserap dari bahasa Arab, bahasa yang agak dekat dengan masyarakat Turki.

Analisis kemasukan pelajar ke UMS meramalkan, beberapa tahun dari sekarang, UMS bakal menampung kira-kira 2,000 pelajar antarabangsa. Perkiraan itu didasarkan kepada bilangan pelajar semasa UMS yang mencapai 17,000 orang. Dari jumlah ini, kira-kira 14,000 pelajar terdaftar sebagai pelajar sepenuh masa, manakala selebihnya pelajar separuh masa.



PENGURUSAN UMS LINK ...
Alex Anderson menyampaikan cendera tangan kepada Dr. Roselina.
(gambar atas)



PERSEMBAHAN dari pelajar tempatan. (gambar kanan)



TETAMU KEHORMAT ... K.Y. Mustafa (tengah), Dr. Roselina (kanan) dan Alex (kedua kiri).



Sebahagian pelajar lelaki dari China. (gambar atas)



Pelajar dari Turki bersama para pensyarah (gambar kanan)